

TINGKATAN 5

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHAGIAN B

Pelajaran 1: Sistem Ekonomi Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	Konsep asas dalam sistem ekonomi Islam. Ilmu bagi memenuhi keperluan ekonomi individu dan masyarakat berteraskan syariat Islam dengan mencegah ketidakadilan.	(2 markah)
2.	Tiga asas sistem ekonomi Islam. i. Mengiktiraf pemilikan harta individu. ii. Mengelola harta yang dimiliki menurut syarak. iii. Mengagihkan harta dalam kalangan masyarakat dengan adil.	(6 markah)
3.	Empat sumber utama sistem ekonomi Islam. i. Al-Quran ii. Al-Hadis iii. Al-Ijma iv. Al-Qias	(4 markah)
4.	Enam prinsip asas sistem ekonomi Islam. i. Akidah, syariah dan akhlak Islam sebagai teras ii. Manusia sebagai Khalifah iii. Pekerjaan dan ganjaran iv. Keuntungan dan kerugian v. Keadilan sosial vi. Larangan kerosakan dan kezaliman	(6 markah)
5.	Konsep pemilikan harta dalam Islam. Pemilikan harta dalam Islam bermaksud sesuatu yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia untuk dimiliki dan dimanfaatkan menurut syarak.	(2 markah)
6.	Empat asas pemilikan harta dalam Islam. i. Allah SWT pemilik harta yang sebenar/ Manusia sebagai pemegang amanah. ii. Allah SWT tetapkan cara pemilikan harta yang sah seperti jual beli / haramkan riba. iii. Manusia diperintah berusaha untuk memiliki harta bagi penuhi keperluan hidup. iv. Allah SWT tetapkan cara berbelanja secara berhemat dan dilarang membazir dan bakhil.	(8 markah)
7.	Tiga jenis pemilikan harta dalam Islam. i. Hak Milik Individu <ul style="list-style-type: none">• Islam benarkan pemilikan secara individu yang diperoleh secara sah menurut syarak. Contohnya rumah, kereta dan sebagainya. ii. Hak Milik Umum <ul style="list-style-type: none">• Pemilikan secara bersama oleh anggota masyarakat terhadap sumber, barang dan perkhidmatan. Contohnya laut, sungai dan udara.	(6 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
	<p>iii. Hak Milik Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harta hak milik umum yang diurus kerajaan untuk kepentingan awam selaras dengan tuntutan agama. Contohnya bangunan kerajaan, hasil hutan dan galian. 	
8.	<p>Empat matlamat pemilikan harta.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT kerana patuhi syariat. ii. Menjamin keselamatan hidup di dunia dan akhirat. iii. Membangunkan ekonomi umat Islam. iv. Mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman. 	(8 markah)
9.	<p>Pengertian pekerjaan menurut Islam.</p> <p>Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta secara halal.</p>	(2 markah)
10.	<p>Empat peranan pekerjaan dalam Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Memenuhi tuntutan ibadah kepada Allah SWT. ii. Menunaikan tanggungjawab bagi penuhi keperluan asasi kehidupan individu dan keluarga. iii. Meningkatkan taraf sosioekonomi individu, masyarakat dan negara. iv. Meningkatkan pembangunan ekonomi negara. 	(8 markah)
11.	<p>Lima ciri pekerjaan menurut Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pekerjaan yang halal. ii. Menurut kehendak syariat. iii. Menjaga ketenteraman awam. iv. Memastikan keselamatan diri dan orang lain. v. Mengambil berat tentang ibadah. 	(5 markah)
12.	<p>Tiga etika kerja dalam Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Ikhlas kerana Allah SWT. ii. Amanah ketika bekerja seperti tidak menipu. iii. Tekun bekerja supaya hasil diberkati Allah SWT. iv. Akur arahan ketua selagi tidak bertentangan syarak. v. Bekerjasama untuk tingkatkan produktiviti yang berkualiti. vi. Berdisiplin dan tepati masa. 	(6 markah)
13.	<p>Tiga kebaikan bekerja dalam Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah SWT. ii. Mencari rezeki yang halal untuk sara diri dan keluarga. iii. Mampu berdikari tanpa perlu minta belas ihsan orang lain. iv. Boleh tingkatkan taraf hidup. v. Boleh kurangkan masalah pengangguran dan tingkatkan ekonomi negara. 	(6 markah)
14.	<p>Tiga keistimewaan sistem ekonomi Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Sistem yang lengkap dan menyeluruh berpandukan wahanu Allah SWT. ii. Bermotifkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. iii. Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam. iv. Berteraskan nilai dan akhlak Islam. 	(6 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
15.	<p>Tiga kesan pengabaian sistem ekonomi Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Matlamat negara yang baik dan mendapat pengampunan Allah SWT tidak akan tercapai. ii. Amalan riba berleluasa. Golongan kaya semakin kaya, orang miskin tertindas. iii. Nilai moral terhakis. Gejala rasuah, penipuan dan eksloitasi ekonomi berleluasa. 	(6 markah)

Pelajaran 2: Sistem Kewangan Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	<p>Konsep muamalat dalam sistem kewangan Islam.</p> <p>Tatacara urusan harian sesama manusia dalam memenuhi keperluan hidup yang melibatkan transaksi kewangan (berlandaskan syariat).</p>	(3 markah)
2.	<p>Tiga prinsip muamalat Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kerelaan dalam berurus niaga. ii. Tiada elemen haram seperti riba, gharar (ketidakpastian) dan perjudian. iii. Urus niaga tidak membawa kepada kerosakan struktur ekonomi dan sosial masyarakat. 	(6 markah)
3.	<p>Tiga ciri muamalat Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bersumberkan al-Quran dan Hadis. ii. Reda-meredai antara kedua belah pihak. iii. Adil dan mendatangkan manfaat. iv. Tidak melakukan penipuan. 	(3 markah)
4.	<p>Definisi bagi jenis mumalat berikut.</p> <p>a) Al-Ijarah (Sewa-menyewa. Perjanjian yang membolehkan seseorang ambil manfaat atau faedah dari hak milik orang lain dengan bayaran tertentu. Contoh sewa premis kedai untuk membuka perniagaan komputer)</p> <p>b) Al-Takaful (Insurans Islam. Pelan perlindungan berdasarkan prinsip syariah melalui caruman wang. Akan diberi kepada pihak yang ditimpa musibah atau kemudarat. Pemberian atas dasar ta'awun dan tabarru'. Contoh seorang lelaki menyertai skim takaful bagi melindungi kenderaannya jika ditimpa kemalangan.)</p> <p>c) Al-Mudarabah (Pelaburan. Pelabur memberikan modal kepada pihak tertentu (pengusaha) untuk diperniagakan. Hasil keuntungan dibahagikan mengikut perjanjian. Contoh pelajar dan guru melabur di koperasi sekolah)</p>	(6 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
5.	<p>Perbezaan antara al-Murabahah dan al-Bai' Bitaman Ajil.</p> <p>Al-Murabahah Penjualan barang dengan makluman kos bersama-sama tambahan margin keuntungan</p> <p>Al-Bai' Bitaman Ajil Jual beli barang dengan bayaran tertangguh sama ada secara ansuran atau sekali gus.</p>	(2 markah)
6.	<p>Peranan institusi kewangan berikut.</p> <p>a) Wakaf <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan dan pentadbiran wakaf diletakkan di bawah Majlis Agama Islam setiap negeri (pemegang tunggal harta wakaf di Malaysia). • Pemegang amanah semua harta wakaf yang berdaftar. </p> <p>b) Tabung Haji <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan kemudahan menyimpan wang untuk menunaikan haji bagi pendeposit. • Menjalankan aktiviti pelaburan bagi memberi nilai tambah/dividen kepada pendepositnya. </p> <p>c) Zakat <ul style="list-style-type: none"> • Ditubuhkan untuk mewujudkan sistem pengurusan zakat yang lebih efisien dan sistematis. • Mengagihkan zakat dengan lebih efisien dan adil kepada asnaf zakat. </p>	(6 markah)
7.	<p>Kepentingan pelaksanaan muamalat Islam terhadap;</p> <p>a) Individu <ul style="list-style-type: none"> • Mendapat manfaat dari sudut ganjaran pahala kerana bermuamalat secara Islam. • Memperoleh jaminan keadilan dalam sistem kewangan Islam. </p> <p>b) Masyarakat <ul style="list-style-type: none"> • Dapat saling mengenali dan mengeratkan silaturahim. • Dapat saling bantu-membantu melalui sistem ta'awun dan tabarru'. </p> <p>c) Negara <ul style="list-style-type: none"> • Ekonomi negara dalam keadaan baik dan diredayai Allah SWT. • Pendapatan dan pengagihan harta dapat dibuat dengan lebih efisien. </p>	(6 markah)
8.	<p>Keburukan tidak bermuamalat dengan muamalat Islam bagi;</p> <p>a) Individu <ul style="list-style-type: none"> • Dilaknat oleh Allah SWT kerana ingkari syariat. • Jiwa jadi resah kerana takut ditipu. • Dibenci masyarakat kerana menindas. • Melahirkan individu yang tamak. </p> <p>b) Masyarakat <ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat berpecah belah dan hilang semangat tolong-menolong. • Masyarakat tidak aman kerana berlaku permusuhan. </p>	(6 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
	<ul style="list-style-type: none"> • Berlaku penindasan dalam masyarakat seperti riba. • Masyarakat akan bersikap prejudis antara satu sama lain. <p>c) Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ekonomi negara merosot kerana tidak diberkati Allah SWT. • Wujud jurang ekonomi yang ketara antara golongan kaya dan miskin. • Negara akan terjebak dalam krisis hutang yang tinggi akibat sistem riba. 	
9.	<p>Tiga langkah untuk menggalakkan masyarakat bermuamalah Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Memberi didikan agama khususnya berkaitan ekonomi dan kewangan Islam dalam sistem pendidikan Islam. ii. Memberikan penerangan melalui media massa supaya masyarakat tahu kebaikan bermuamalah dengan muamalah Islam. iii. Mengembangkan kemudahan perbankan Islam secara menyeluruh. iv. Mengemaskini sistem muamalah Islam supaya boleh menarik minat masyarakat untuk memilih perbankan Islam. 	(6 markah)

Pelajaran 3: Sistem Perundangan Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	<p>Maksud Perundangan Islam.</p> <p>Perundangan Islam ialah hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalah, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.</p>	(2 markah)
2.	<p>Empat sumber utama sistem perundangan Islam ialah :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Al-Quran ii. Al-Hadis iii. Al-Ijma' iv. Al-Qias 	(4 markah)
3.	<p>Dua keunggulan sistem perundangan Islam ialah :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Ciptaan Allah SWT yang bersih daripada sebarang kelemahan, kekurangan dan dorongan hawa nafsu. ii. Lengkap dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia sama ada di dunia dan akhirat iii. Hukumannya adil kepada semua manusia tanpa mengira pangkat, keturunan dan warna kulit seseorang 	(4 markah)
4.	<p>Cara Islam memelihiara akal ialah :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mewajibkan umat Islam menjauhi perkara yang boleh merosakkan akal seperti minum arak, mengambil dadah, pil khayal dan sebagainya. ii. Islam mewajibkan umatnya supaya sentiasa melakukan ibadat, membaca buku-buku yang berfaedah, melakukan riadah dan sebagainya. 	(4 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
5.	<p>Dua kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam dalam kehidupan ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjaga akidah umat Islam daripada terpesong seperti tiada unsur-unsur syirik dan sebagainya. ii. Menjamin keselamatan diri daripada perbuatan yang membahayakan nyawa seperti melakukan jenayah pembunuhan. 	(4 markah)
6.	<p>Pengertian syirik</p> <p>Syirik ialah perbuatan menyekutukan Allah SWT dalam sebarang bentuk sama ada melalui perbuatan, perkataan dan iktikad dengan menjadikan sesuatu yang lain sekutu bagi Allah SWT.</p>	(2 markah)
7.	<p>Dua cara merealisasikan sistem perundangan Islam dalam kehidupan ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengamalkan cara hidup yang dianjurkan oleh Islam dengan sentiasa menjaga akidah, berpegang teguh kepada Al-Quran dan Al-Hadis agar hidup diberkati Allah SWT. ii. Melaksanakan segala perintah Allah SWT seperti menunaikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menutup aurat. iii. Melaksanakan perundangan Islam sepenuhnya seperti melaksanakan hukuman hudud, qisas dan sebagainya dalam negara. 	(4 markah)
8.	<p>Dua tindakan yang boleh dilakukan untuk mematuhi perundangan Islam dalam kehidupan.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mempelajari ilmu agama yang berguna untuk memantapkan keimanan dan ketakwaan bagi mengelakkan individu melakukan perkara yang boleh merosakkan akidah. ii. Memakan makanan yang halal bagi membentuk akal dan minda yang cergas serta menjamin kesihatan tubuh badan daripada jangkitan penyakit. 	(4 markah)
9.	<p>Dua kesan pengabaian sistem perundangan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Merosakkan akidah kerana berlakunya perkara syirik, kufur dan sebagainya ii. Merosakkan keturunan manusia kerana berleluasanya perbuatan zina yang akan menyebabkan pertambahan kelahiran anak luar nikah. iii. Merosakkan akal melalui perbuatan minum arak dan pengambilan dadah 	(4 markah)
10.	<p>Perkara tersebut masih lagi berlaku.</p> <p>Perkara diatas masih lagi berlaku kerana iman yang lemah dalam diri serta kurang penghayatan Islam dalam Kehidupan (I). Hal ini kerana masyarakat memandang rendah serta remeh terhadap hukum hakam agama (H) yang akan menyebabkan lahirnya masyarakat yang melanggar perintah Allah SWT (HL). Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mematuhi perundangan dan peraturan Islam supaya hidup sejahtera di dunia dan akhirat (K).</p>	(4 markah)

Pelajaran 4 : Sistem Kehakiman Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	<p>Pengertian Sistem Kehakiman Islam</p> <p>Sistem Kehakiman Islam ialah menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak</p>	(2 markah)
2.	<p>Tiga prinsip kehakiman Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bersifat Rabbani iaitu datangnya daripada Allah SWT yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis . ii. Menegakkan keadilan dan menentang kezaliman dalam masyarakat agar hidup lebih aman dan selesa. iii. Mengamalkan adab dan akhlak yang mulia serta menjaga hubungan yang baik sesama manusia dan makhluk Allah SWT. 	(6 markah)
3.	<p>Dua matlamat sistem kehakiman Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menegakkan keadilan dengan menyeluruh kepada semua rakyat tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang ii. Menentang kezaliman dalam sebarang bentuk kerana kezaliman boleh menggugat keamanan hidup bermasyarakat. 	(4 markah)
4.	<p>Jenis-jenis kesalahan hukuman jenayah menurut Islam :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hudud ii. Qisas iii. Takzir iv. Diyat 	(4 markah)
5.	<p>Pengertian di bawah beserta contoh.</p> <p>i) HUDUD Pengertian : Jenis kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT Contoh :Zina,Qazaf,minum arak,mencuri,merompak,murtad (riddah)</p> <p>ii)QISAS Pengertian : Jenis kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi secara fizikal. Contoh :Mencederakan anggota badan dan membunuh dengan sengaja</p> <p>iii)TAKZIR Pengertian :Jenis kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya. Contoh :khalwat, mencuri yang tidak cukup nisab,menipu,rasuah</p> <p>iv)DIAT Pengertian:Harta yang wajib diberikan kepada waris yang dibunuhan sebagai ganti hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan. Contoh:membunuhan dengan tidak sengaja</p>	(8 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
6.	<p>Jelaskan prosedur keterangan untuk mensabitkan sesuatu kesalahan.</p> <p>i) Pengakuan</p> <p>Apa-apa keterangan yang diberikan di mahkamah dengan menggunakan lafaz dan pengakuan mestilah jelas daripada orang yang telah melakukan kesalahan serta dibuat secara waras dan bebas tanpa paksaan daripada mana-mana pihak.</p> <p>ii) Kesaksian</p> <p>Keterangan atau bukti yang diberikan oleh saksi yang melihat sesuatu isu yang dipertikaikan. Saksi tersebut mestilah baligh, sempurna akal, adil, amanah dan bebas daripada sebarang keraguan serta tidak bermusuhan dengan orang yang didakwa.</p> <p>iii) Pembuktian</p> <p>Mengemukakan bukti di hadapan hakim untuk menuntut sesuatu hak dengan cara membuktikan sesuatu kesalahan yang didakwa berlaku di hadapan mahkamah. Kesalahan boleh disabit apabila dibuktikan melalui bahan atau alat tertentu berkaitan sesuatu kes seperti keputusan DNA.</p>	(6 markah)
7.	<p>Dua keistimewaan hukuman jenayah Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menegakkan keadilan kepada semua manusia tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang kerana hukuman jenayah Islam menyeluruh kepada semua pesalah tanpa mengira kedudukan dan pangkat. ii. Mewujudkan ketenteraman dalam masyarakat dan negara kerana masyarakat takut untuk melakukan jenayah. 	(4 markah)
8.	<p>Tiga syarat pelantikan hakim ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hakim mestilah seorang Islam dan beriman, memahami hukum-hakam Islam dan mempunyai keimanan yang kuat agar dapat mempraktikkan syariat Islam dalam perbicaraan. ii. Hakim juga mestilah baligh dan berakal kerana tugas hakim memerlukan pemikiran yang matang dan tajam supaya keputusan yang dibuat bertepatan dengan kebenaran. iii. Hakim mestilah seorang yang sempurna pancaindera seperti memiliki pendengaran yang baik, penglihatan yang jelas dan percakapan yang fasih. 	(3 markah)
9.	<p>Dua etika kehakiman Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak sama ada pihak pendakwa atau tertuduh supaya wujudnya keadilan agar tertuduh tidak teraniaya. ii. Hakim hendaklah jujur ketika bertugas seperti tidak menerima rasuah supaya kewibawaannya dihormati. iii. Hakim dilarang untuk menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kaum keluarga, rakan dan sebagainya supaya keputusan yang dibuat tepat 	(4 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
10.	<p>Dua peranan/ tanggungjawab hakim menurut Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjatuhkan hukuman secara dil dan saksama serta setimpal dengan kesalahan tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang sama ada keluarga terdekat, orang kaya atau pemimpin supaya kewibawaan hakim dipandang tinggi ii. Menjatuhkan hukuman dalam keadaan tenang dan seseorang hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman dalam keadaan marah supaya keputusan yang dibuat adalah tepat dan tidak tersalah membuat keputusan. 	(4 markah)
11.	<p>Kepentingan melaksanakan sistem kehakiman ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mampu menyelesaikan permasalahan manusia secara menyeluruh tanpa mengira kedudukan dan pangkat ii. Dapat memberikan pengajaran dan didikan kepada penjenayah daripada mengulangi kesalahan yang berulang-ulang. iii. Dapat mewujudkan kemamanan dan kesejahteraan dalam negara kerana mereka yang bersalah mendapat hukum yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. 	(4 markah)
12.	<p>Tiga cara mematuhi tuntutan pelaksanaan kehakiman Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjadikan al-quran dan al-Hadis sebagai rujukan utama dalam mengendalikan kes supaya Tindakan yang diambil tidak menyalahi syarak ii. Melaksanakan etika kehakiman Islam secara menyeluruh supaya matlamat untuk mewujudkan keamanan masyarakat tercapai. iii. Mematuhi peraturan dan undang-undang negara seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan sesebuah negara. 	(6 markah)
13.	<p>Dua acara menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mematuhi peraturan agama seperti menunaikan solat dan menutup aurat bagi meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. ii. Menuntut ilmu yang bermanfaat sama ada ilmu fardhu ain atau fardhu kifayah bagi memperoleh kejayaan hidup di dunia dan akhirat. 	(4 markah)
14.	<p>Dua tindakan bagi menyokong institusi perundangan ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan pendukung institusi kehakiman Islam melalui kursus dan seminar supaya kewibawaan mereka dipandang tinggi oleh masyarakat ii. Menyebarluaskan ilmu dan kefahaman tentang institusi kehakiman Islam kepada masyarakat melalui seminar, kempen atau penerangan menerusi media sosial. 	(4 markah)
15.	<p>Contoh jawapan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Jenis kesalahan : Rasuah / kesalahan takzir ii. Jenis hukuman jenayah : Hukuman penjara untuk menginsafkan Ahmad dan mengenakan denda seperti membayar wang kepada pihak berkuasa 	(4 markah)

Pelajaran 5 : Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	<p>Pengertian pentadbiran</p> <p>Pentadbiran ialah menyelaras tenaga manusia agar mengikut satu perancangan untuk mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan</p>	(2 markah)
2.	<p>Pengertian pengurusan.</p> <p>Pengurusan ialah mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam untuk kebajikan manusia</p>	(2 markah)
3.	<p>Pengertian pentadbiran dan pengurusan Islam.</p> <p>Pentadbiran dan pengurusan Islam ialah perancangan dan pergerakan oleh sesuatu organisasi berhubung dengan kaedah, peraturan, tanggungjawab dan tugas dalam pengolahan sumber manusia dan sumber alam selari dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah allah SWT di muka bumi.</p>	(2 markah)
4.	<p>Prinsip-prinsip tadbir urus dalam Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis ii. Bermatlamatkan dunia dan akhirat iii. Pentadbir sebagai pemegang amanah iv. Berasaskan keimanan kepada Allah SWT 	(3 markah)
5.	<p>Empat ciri pentadbiran dan pengurusan Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis ii. Mengamalkan konsep syura dalam pentadbiran iii. Melaksanakan keadilan untuk semua pihak iv. Memastikan hak kebebasan kepada setiap individu agar terpelihara mengikut panduan syarak 	(4 markah)
6.	<p>Pengertian bagi etika tadbir urus Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Integriti : Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan sendiri ii. Efektif : Berkesan, efisien dan konsisten dalam menghasilkan impak yang cemerlang iii. Amar makruf dan nahi mungkar : Menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran iv. Sistematik : Mempunyai sistem dalam membuat perancangan dan pemantauan yang berterusan 	(8 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
7.	<p>Dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Beriman iaitu orang yang percaya dengan semua rukun iman, mengaku tentang kewujudan dan keesaan Allah agar dapat melaksanakan pentadbiran dengan penuh ketakwaan dan bertanggungjawab. ii. Amanah iaitu jujur dan bertanggungjawab dalam melaksanakan semua tugas yang wajib dilaksanakan dengan sebaik mungkin. iii. Berwawasan iaitu mempunyai perancangan untuk memajukan organisasi pentadbirannya dan mempunyai pandangan jauh tentang kemajuan. 	(4 markah)
8.	<p>Kepentingan melaksanakan sistem tadbir urus dalam sistem pentadbiran Islam.</p> <p>Individu</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menimbulkan nilai keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT ii. ii) Menjaga hubungan baik antara ketua dengan ahli-ahlinya. <p>Organisasi</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan kelancaran urusan pentadbiran sesebuah organisasi ii. Menaikkan imej sesebuah organisasi <p>Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mewujudkan pentadbiran negara yang efisien dan efektif serta menjadikan contoh kepada negara lain ii. Membolehkan segala urusan dilaksanakan secara teratur dan menepati syarak. 	(6 markah)
9.	<p>Implikasi :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan penuh bertanggungjawab serta mendapat keredhaan Allah ii. Dapat memajukan organisasi sebagaimana yang dirancang serta negara akan bertambah makmur dan aman. 	(4 markah)
10.	<p>Kesan sesebuah organisasi ;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Berlakunya pengabaian amanah yang telah diberikan kepadanya untuk mentadbir sesebuah organisasi. ii. Menyebabkan berlakunya kemunduran kepada sesebuah organisasi kerana pengurusan tidak mengikut syariat yang dianjurkan Islam. 	(4 markah)

Pelajaran 6 : Sistem Pemerintahan Islam

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1.	<p>Maksud sistem pemerintahan Islam</p> <p>Sistem pemerintahan Islam ialah satu kaedah pemerintahan sesebuah negara yang ditadbir berdasarkan ajaran Islam dan melaksanakan syariat Islam dalam sistem pentadbiran.</p>	(2 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
2.	<p>Empat ciri sistem pemerintahan Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Meletakkan Allah SWT sebagai pemegang kuasa yang mutlak manakala manusia sebagai khalifah hanya memegang amanah ii. Umat Islam berperanan sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memakmurkan muka bumi iii. Mengamalkan syura dalam pemerintahan yang berdasarkan al-quran dan al-Hadis. iv. Segala perkara yang diputuskan dan dilaksanakan dalam pemerintahan bersesuaian dengan kehendak rakyat serta bertepatan dengan syariat Islam. 	(4 markah)
3.	<p>Maksud syura</p> <p>Syura ialah perbincangan dan permuafakatan sekumpulan ulamak dalam hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.</p>	(2 markah)
4.	<p>Pengertian Piagam Madinah</p> <p>Piagam Madinah ialah perlembagaan yang ditulis dan dipersetujui oleh semua penduduk Madinah semasa awal pemerintahan Islam di Madinan.</p>	(2 markah)
5.	<p>Dua perkara penting yang terdapat dalam Piagam Madinah.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kepimpinan negara yang mana Rasulullah SAW sebagai pemerintah dan ketua negara yang menjadi rujukan dalam menyelesaikan sebarang masalah yang berlaku dalam negara. ii. Keselamatan iaitu setiap kaum bertanggungjawab menjaga keamanan negara dan keharmonian perhubungan antara kaum. 	(4 markah)
6.	<p>Konsep-konsep</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Khilafah : Sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seseorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT ii. Khalifah : Individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT iii. Rakyat : Seluruh penduduk dalam sesebuah negara yang berkewajipan untuk mentaati khalifah selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam. 	(6 markah)
7.	<p>Dua tanggungjawab seorang khalifah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melaksanakan hukum syariat yang telah ditentukan Allah tanpa mengira masa dan tempat seperti melaksanakan solat walau di mana kita berada dalam apa jua keadaan. ii. Menegakkan kebenaran dan mencegah sebarang kemungkaran untuk mendapat keredhaan Allah SWT. 	(4 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
8.	<p>Tiga tanggungjawab rakyat ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bekerjasama membanteras kemungkaran yang bertentangan dengan syarak daripada berlaku dalam negara ii. Menumpukan sepenuh taat setia kepada pemerintah selagi tidak melanggar syariat serta menghormati dan mematuhi undang-undang negara yang telah termaktub dalam perlombagaan. iii. Bekerjasama dalam mempertahankan keselamatan negara daripada ancaman penceroboh bagi memastikan keamanan negara terjaga. 	(6 markah)
9.	<p>Empat hak rakyat ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hak memilih khalifah ii. Hak mendapat pendidikan iii. Hak mendapat perlindungan dan jaminan keselamatan iv. Hak kebebasan bersuara dan memberi pendapat 	(4 markah)
10.	<p>Pengertian negara Islam</p> <p>Negara Islam ialah negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbirannya tunduk kepada hukum Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadis serta ijтиhad yang sebenar.</p>	(2 markah)
11.	<p>Empat prinsip negara Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Musyawarah (Al-Syura) ii. Keadilan (Al'-Adalah) iii. Kebebasan (Al-Hururiyyah) iv. Persamaan (Al-Musawwah) 	(4 markah)
12.	<p>Tiga elemen penting dalam pembentukan negara Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Wilayah iaitu wilayah-wilayah dalam negara Islam yang ditadbir oleh seorang ketua dan penduduknya tertakhluk kepada sistem pemerintahan Islam. ii. Syura/Majlis Syura iaitu Lembaga mesyuarat tertinggi negara yang ahlinya terdiri daripada khalifah, ulama dan individu yang pakar dalam bidang masing-masing. iii. Khalifah merupakan pemerintah beragama Islam yang berkelayakan serta menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak. 	(6 markah)
13.	<p>Empat matlamat negara Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menegakkan perundungan dan hukum Allah SWT dalam sesebuah negara dengan lebih teratur. ii. Merealisasikan keadilan kepada semua manusia supaya tiada yang teraniaya. iii. Memastikan kebijakan rakyat sentiasa terjamin tanpa mengira bangsa dan keturunan iv. Mencapai kemakmuran negara demi kehidupan rakyat yang sejahtera. 	(4 markah)
14.	<p>Tiga ciri negara Islam ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Berdasarkan al-Quran dan al-Hadis ii. Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar iii. Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan 	(3 markah)

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
15.	<p>Dua kepentingan melaksanakan tuntutan dan tanggungjawab khilafah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendapat keredaan Allah SWT kerana pemerintahan berteraskan al-Quran dan al-Hadis demi meraih keredaan Allah SWT ii. Mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat kerana masyarakat mementingkan sikap saling menghormati dan bertoleransi dalam masyarakat. 	(4 markah)
16.	<p>Dua implikasi pemimpin negara mengabaikan tanggungjawab sebagai khalifah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendapat kemurkaan Allah SWT dan kesucian agama Islam akan terancam kerana khalifah tidak menunaikan amanah yang diberikan dengan baik. ii. Berlakunya penyelewengan dalam pentadbiran negara dan masyarakat seperti rasuah dan pecah amanah. 	(4 markah)
17.	<p>Dua kesan sekiranya rakyat mengabaikan tanggungjawab terhadap negara ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Berlakunya kemungkaran dan gejala sosial yang secara berleluasa kerana rakyat mengabaikan tugasnya sebagai rakyat yang boleh menegur pemimpin. ii. Mencetuskan perbalahan dalam kalangan masyarakat yang membawa kepada perpecahan dalam masyarakat. 	(4 markah)
18.	<p>Dua tindakan yang boleh diambil oleh individu dalam kehidupan bernegara ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sentiasa meningkatkan syiar dan syariat Islam dalam negara berpandukan al-Quran dan al-Hadis yang menjadi pegangan umat Islam. ii. Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar dapat menyumbangkan kepasda pembangunan negara pada masa akan datang. 	(4 markah)